



18 Aug 2018

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: 53 • Printed Size: 189.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,490.00
Item ID: MY0033497982



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

IJM Land lancar Riana South

IJM Land Bhd (IJM Land) melancarkan Riana South, projek kondominium terbaru yang juga fasa pembangunan terakhirnya di Bukit Mandarina, Cheras, Kuala Lumpur.

Pengurus Besar Kanan (Wilayah Tengah) IJM Land, Datuk Hoo Kim See, berkata projek yang dijangka siap pada 2021 itu menawarkan kepadatan yang rendah, iaitu 565 unit kediaman sahaja.

Katanya, harga jualan bermula dari RM665,000 seunit untuk rumah yang dilengkapi 3+1 bilik tidur dengan keluasan ditawarkan dari 947 kaki persegi (kps) sehingga 1,238 kps dan dua unit tapak letak kereta untuk setiap penghuni.

“Dari segi lokasi, projek ini hanya terletak 12 kilometer (km) ke Kuala Lumpur dan 13km ke Petaling Jaya dan mudah diakses dari Lingkaran Timur Barat (Lebuhraya Connaught), Lebuhraya Cheras-Kajang dan Lingkaran Tengah II (MRR II).

“Ia juga terletak berdekatan dengan pelbagai kemudahan termasuk sekolah kebangsaan dan antarabangsa, universiti tempatan dan swasta, pusat membeli-belah, hospital kerajaan dan swasta serta berdekatan dengan Terminal Bersepadu Selatan Bandar Tasik Selatan,” katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tawar pulangan sewa

Kim See berkata, direka demi keselesaan penduduknya, kediaman itu dilengkapi dengan kemudahan seperti gelanggang futsal, gelanggang

bola keranjang, gimnasium dan kolam renang bersaiz Olimpik.

Katanya, kondominium itu dibina dengan sangat teliti di sepanjang lereng bukit bagi memastikan kediaman itu dapat diintegrasikan bersama alam semula jadi tanpa mencero bohi hutan simpan Sungai Besi yang terletak bersebelahan dengan Riana South.

Dari sudut pelaburan, katanya, memandangkan kondominium itu terletak berdekatan dengan Universiti UCSI, ia menawarkan pulangan sewa yang baik kepada lebih 10,000 pelajar yang mencari kediaman berdekatan dengan tempat belajar mereka.



Dari segi lokasi, projek ini hanya terletak 12km ke Kuala Lumpur dan 13km ke Petaling Jaya serta mudah diakses dari Lingkaran Timur Barat (Lebuhraya Connaught), Lebuhraya Cheras-Kajang dan Lingkaran Tengah II (MRR II)”

Hoo Kim See,

*Pengurus Besar Kanan
(Wilayah Tengah) IJM Land*